

# Sebagai tanda terima kasih

Chicken Cottage diwujudkan atas sokongan rakyat



Ahmad Razif menunjukkan menu istimewa yang ditawarkan Chicken Cottage selepas Majlis Perasmian Pembukaan Restoran Chicken Cottage Pertama Di Malaysia di Ladang Tok Pelam, Kuala Terengganu.

■ NORHAFIZA MUSA

## KUALA TERENGGANU

— Kerajaan Negeri yakin rangkaian restoran makanan segera antarabangsa, Chicken Cottage akan menjadi tarikan terbaru kepada penduduk setempat dan

pelancong yang ber kunjung ke negeri ini, khususnya sempena Tahun Melawat Terengganu (TMT) 2017 nanti.

Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman berkata, pihaknya turut menyasarkan untuk membuka sekurang-kurangnya sembilan buah lagi cawangan restoran tersebut di negeri ini dalam tempoh lima tahun untuk tuju an tersebut.

Menurutnya, selaku pemang syer terbesar dalam perniagaan francais tersebut, kerajaan negeri juga berhasrat membuka sebanyak 350 cawangan baharu dalam tempoh yang sama di seluruh negara dengan peruntukan untuk membina sebuah outlet tersebut dianggarkan bernilai di antara RM800,000 hingga RM1.2 juta.

"Kita juga cadangkan pembinaan restoran Chicken Cottage lebih besar dan moden dan dilengkapi pelbagai kemudahan termasuk ke-

mudahan pandu lalu di kawasan Kampung Tanjong, Kuala Terengganu pada tahun depan, sejajar dengan pembangunan Kuala Terengganu City Centre (KTCC) di kawasan sama yang kini giat dijalankan.

"Malah kita juga bercadang akan buka di Tasik Kenyir, Hulu Terengganu apabila pulau bebas cukai tersebut mula beroperasi sepenuhnya, mungkin di Pengkalan Gawi sebagai langkah menarik lebih ramai pelancong," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis perasmian rangkaian restoran berkenaan yang pertama di Malaysia itu, di Ladang Tok Pelam di sini, semalam.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Osman Muda; Pengerusi TI Global Food Management Limited (TIGFM), Datuk Wan Ismail Wan Yusoh; Ketua Pegawai Eksekutif Chicken Cottage Ltd (United Kingdom), Gerry Rankin dan Pemangku Pengarah Urusan, TI Global Food Management Limited, Khalizan bin Mahmud.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Chicken Cottage pertama diwujudkan di Terengganu sebagai satu penghargaan dan tanda terima kasih di atas sokongan rakyat ter-

hadap kepimpinan kerajaan negeri walaupun dari segi prospek perniagaan, restoran ini sepertinya dibuka di tempat yang mempunyai permintaan tinggi seperti di Lembah Klang dan sebagainya.

Bagaimanapun, ada permintaan untuk membuka restoran ini di beberapa tempat di Malaysia termasuklah Putrajaya, Kuala Lumpur, Johor dan Kelantan yang merupakan peluang untuk Chicken Cottage berkembang di Malaysia.

"Selain itu, ada juga permintaan ia (Chicken Cottage) dibuka di Tanah Suci, Makkah, jadi saya sudah meminta pegawai berkaitan mengadakan perbincangan lanjut dengan pengusaha dan mengenal pasti (lokasi) kerana tempat sudah ada, jika sesuai, Insya-Allah. Jika ia berjalan lancar, ia akan dibuka di sana," katanya.

Pada majlis yang sama, satu acara menandatangani memorandum persefahaman di antara Terengganu Incorporated Global Food Holdings (TIGFH) dengan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) yang bertujuan menjadikan restoran itu sebagai satu sumber rujukan dan penyelidikan kepada cawangan baharu yang akan dibuka pada masa akan datang.